



كِبَرُ الْجَانِ بِنْتِ كِبَرٍ قِيَّاسُ بِنْتِ الْإِسْلَامِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami

Bil (~~74~~) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2024

Tarikh:

13 Rejab 1446H

13 Januari 2024

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PINDAAN AYAT ARAHAN BAGI PENGESAHAN AHLI JAWATANKUASA SEBUTHARGA, AHLI JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DAN AHLI JAWATANKUASA TENDER OLEH PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KEDAH BAGI PEROLEHAN YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas dan surat jabatan ini Bil (73) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2024 bertarikh 29 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan pentadbiran ini ingin membuat pindaan pada ayat arahan di Para 3 (iv) seperti berikut:

Daripada:

Mana-mana perolehan secara kaedah Rundingan Terus Dengan Rundingan Harga yang menggunakan peruntukan di bawah Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri Kedah iaitu Pegawai Kewangan Negeri adalah sebagai Pegawai Pengawal maka Ketua Jabatan mestilah memohon kebenaran penurunan kuasa daripada Pegawai Kewangan Negeri Kedah terlebih dahulu bagi mempengerusikan mesyuarat. Surat Penurunan kuasa ini mestilah diperolehi sebelum Mesyuarat Rundingan Harga yang berkaitan dilaksanakan.

KEPADA:

Mana-mana perolehan secara kaedah Rundingan Terus Dengan Rundingan Harga yang menggunakan peruntukan di bawah jabatan lain yang diberi kebenaran khas perbelanjaan atau secara sub-waran maka Ketua Jabatan terlibat mestilah memohon kebenaran penurunan kuasa daripada Pegawai Pengawal jabatan yang memberikan kebenaran khas perbelanjaan atau sub-waran terlebih dahulu bagi mempengerusikan mesyuarat. Surat Penurunan kuasa ini mestilah diperolehi sebelum Mesyuarat Rundingan Harga yang berkaitan dilaksanakan.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK.,DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k. 1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan).

☎Tel: 04-7027757/7758/7759 ✉Emel: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

YBDWSYED/kppkn(p)/ccsury/UnitPerolehanPKN/2025

Experience

